

DATA BOCOR

Menteri **jamin** info penerima PSP selamat

Langkah pembetulan ke atas portal dibuat dalam beberapa jam

Bangi

"Masalah kebocoran nombor akaun bank penerima Program Subsidi Petrol (PSP) yang terdedah di portal rasmi PSP sebelum ini selesai dan keselamatan data penerima adalah terjamin," kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata, langkah pembetulan dilakukan ke atas portal itu oleh pasukan Kementerian yang bertanggungjawab dalam masa beberapa jam selepas masalah itu dilaporkan.

"Masalah itu berlaku da-

lam tempoh yang tidak panjang dan ia segera diperbaiki dan sistem itu berjaya dilindungi serta keselamatan data penerima adalah terjamin," katanya selepas merasmikan Hari Sukan Keluarga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini, semalam.

Semalam, Menteri Komunikasi dan Multimedia Gobind Singh Deo berkata, pihaknya masih menunggu laporan KPDNHEP berhubung nombor akaun bank penerima PSP yang terdedah di portal rasmi PSP.

Bagaimanapun, Saifuddin Nasution berkata, tiada laporan perlu dibuat kerana beliau berhubung dengan

menteri dan memaklumkan bahawa masalah itu berjaya diselesaikan.

KPDNHEP dalam kenyataan sebelum ini berkata, pihaknya sudah meningkatkan sistem dan keselamatan data laman web sebelum mengaktifkannya semula untuk diakses orang ramai.

Dalam pada itu, sebagaimana diumumkan menteri itu sebelum ini, seramai 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) daripada golongan B40 yang layak menerima bantuan PSP boleh menyemak kelayakan mereka melalui portal psp.kpdnhep.gov.my bermula 15 Oktober lalu.

Beliau berkata, lebih 1.6 juta hits diterima dalam ma-

sa tiga hari sejak portal itu dilancarkan.

"Untuk tiga hari pertama sehingga 17 Oktober, sebanyak lebih 218,000 permohonan PSP yang layak dan dikemas kini dicatatkan oleh portal terbabit," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan jumlah itu menunjukkan bahawa kepentingan portal PSP untuk memastikan golongan yang layak berada dalam senarai menerima bantuan bersasar berkenaan.

"Fokus kementerian sekarang memastikan tiada yang tercicir, jadi kita mengajak rakyat untuk semak di portal dan semua talian KPDNHEP bagi mengemas kini maklumat mereka," katanya.

- Bernama